

**Nasionalisme Dalam *Kumpulan Sajak Laut, Sungai Dan Kita***  
**Karya Morsidi M.H**  
*Nationalism in The Poetry Collection *Sungai, Laut dan Kita**  
*by Morsidi M.H*

*Maslin Bin Haji Jukim/Jukin*  
*maslin.jukim@ubd.edu.bn*

*Syahwal Nizam bin Haji Yani*  
*syahwal.yani@ubd.edu.bn*

*Norhairunissa Radhiah binti Haji Bini*  
*nissa.radhiah@hotmail.com*

*Universiti Brunei Darussalam,*  
*Brunei Darussalam*

Received: 20 February 2025 ; Published: 17 June 2025

Cite this article (APA) as:

Jukim/Jukin, M., Haji Yani, S. N., & Haji Bini, N. R. (2025). Nasionalisme Dalam *Kumpulan Sajak Laut, Sungai Dan Kita* Karya Morsidi M.H. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 1 - 17. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/195>

#### **ABSTRAK**

Sajak menjadi pilihan popular dalam kalangan penulis Brunei. Sifat sajak yang bebas dan longgar dalam menyampaikan pemikiran menjadi penyebab kemunculan bentuk sajak mendahului genre lain di Brunei. Persoalan kebangsaan dan semangat patriotik menjadi persoalan dominan yang digemari penyajak Brunei. Selaku seorang guru, pensyarah, pengkritik dan penyelidik sastera, Morsidi M.H begitu memahami situasi perkembangan persajakan di Brunei. Hal ini sekaligus mempengaruhi penciptaan karya sajak beliau yang dapat diperhatikan dalam bukunya *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* yang diterbitkan pada 2021. Buku ini mengandungi 57 buah puisi dan terbahagi kepada empat tema iaitu Nadi dan Kembara Hidup (20 sajak), Tanah Air (7 sajak), Alam dan Erti Kehidupan (12 sajak), dan Introspeksi dan Hakikat Kehidupan (18 sajak). Sesuai dengan isi dan tajuk, kumpulan puisi ini menyajikan kehidupan seiring dengan masa yang sentiasa bergerak ke hadapan. Sekaligus menampilkan semangat nasionalisme Morsidi M.H dan kebimbangan beliau terhadap perjuangan dan nasib bangsa. Ternyata sajak-sajak di bawah tema Tanah Air secara langsung memperkatakan tentang nasionalisme. Sajak-sajak ini menarik perhatian penelitian kerana setiap satu sajak ini amat berkaitan dan saling kait mengait dan membawa hal sejarah, kolonial, kemerdekaan, kegemilangan umpamanya yang dapat ditafsirkan sebagai suntikan semangat nasionalisme yang berterusan dan tidak ada noktahnya. Oleh yang demikian, berdasarkan pendekatan pragmatik dapat membantu memperlihatkan ke mana arah sajak-sajak ini membawa khalayaknya (pembaca) tentang erti tanah air. Dapatan penelitian ini cinta dan kasih tanah air memaknakan pelbagai nilai murni kehidupan berbangsa, beragama dan bernegara untuk terus mekar di setiap generasi sehingga kekal utuh berdiri sebuah bumi yang bernama Negara Brunei Darussalam. Kata Kunci: Sajak, *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita*, Morsidi M.H, Nasionalisme

#### ABSTRACT

*Poetry has become a popular genre among Bruneian writers. Its flexible and unrestricted form in conveying thoughts has allowed poetry to emerge as a leading literary genre ahead of others in Brunei. National identity and patriotic spirit are among the dominant themes favoured by Bruneian poets. As a teacher, lecturer, critic, and literary researcher, Morsidi M.H possesses a deep understanding of the development of poetry in Brunei. This is reflected in his poetic works, particularly in his book *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021), which comprises 57 poems divided into four thematic sections: *Nadi dan Kembara Hidup* (20 poems), *Tanah Air* (7 poems), *Alam dan Erti Kehidupan* (12 poems), and *Introspeksi dan Hakikat Kehidupan* (18 poems). In line with its title and content, this collection portrays the journey of life in parallel with the continuous passage of time, while also expressing Morsidi M.H's sense of nationalism and concern for the struggles and fate of his nation. The poems under the *Tanah Air* theme directly address nationalism, making them a significant subject of scholarly attention. These poems are deeply interrelated, exploring historical, colonial, independence, and national glory narratives, which collectively serve as a continuous and unceasing source of nationalistic fervour. Applying a pragmatic approach helps to illuminate the direction in which these poems guide readers in understanding the meaning of tanah air (homeland). The study's findings reveal that love and devotion to the homeland embody various noble values related to nationhood, religion, and statehood, which must continue to flourish across generations to ensure the enduring strength of the sovereign land known as *Negara Brunei Darussalam*.*

*Keywords: Bruneian Poetry, Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita, Morsidi M.H, Nationalism.*

#### PENDAHULUAN

Semangat nasionalisme berkobar-kobar dalam era kolonialisme. Semangat nasionalisme ini yang menyuntik untuk mencapai kemerdekaan sesebuah negara. Begitu juga di rantau ini, termasuklah Negara Brunei Darussalam. Pada era kolonialisme tersebut, sekalipun Negara Brunei Darussalam berkedudukan hanya negeri yang di bawah naungan British,<sup>1</sup> namun semangat nasionalisme tetap berputik dan berkembang dalam kalangan orang Brunei. Nasionalisme bukan milik rakyat semata-mata tetapi pemimpin dan kepimpinan memainkan peranan penting untuk merealisasikan kebebasan atau untuk mentadbir tanah air dan bangsa sendiri, yang menentukan masa depan bangsa dan negaranya. Oleh yang demikian, kebijaksanaan, keberanian dan ketelitian sultan-sultan Brunei terdahulu akhirnya mencapai

---

<sup>1</sup> Brunei Darussalam tidak pernah menjadi negeri jajahan tetapi mempunyai hubungan perjanjian istimewa dengan United Kingdom yang bermula sejak tahun 1847, tatkala Brunei menandatangani perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan United Kingdom. Perjanjian ini kemudiannya diikuti pula dengan beberapa persetujuan yang termasuk memindahkan kepada United Kingdom antara lain tanggungjawab urusan luar Brunei kepada United Kingdom yang berkesudahan dengan perjanjian persahabatan dan kerjasama ditandatangani pada tahun 1979 dengan diputuskan bahawa Britain akan menyerahkan semua kuasa dan tanggungjawabnya kepada Brunei Darussalam mulai 31 Disember 1983 (Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pada 23 Februari 1984 di Istana Nurul Iman). Sila lihat juga Abd Karim (2006)

In 1847, the sultan concluded a treaty with Great Britain and in 1888 Brunei Darussalam officially became a British protectorate. In 1906, the Residential System was established in Brunei Darussalam. A British Resident was nominated as a representative of the British government to advise the sultan in all matters except Malay customs, traditions and Islamic religion. ("Permanent Mission of Brunei Darussalam to the United Nations". <https://www.un.int/brunei/brunei/country-facts>)

hasrat kemerdekaan apabila Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan Hari Kemerdekaannya pada 1 Januari 1984 semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan Brunei ke-29.<sup>2</sup> Kemerdekaan merupakan perpaduan di antara raja dan rakyat yang masing-masing memainkan peranan dan tanggungjawabnya. Selepas mencapai kemerdekaan, tidak bermakna semangat nasionalisme luntur begitu saja. Semangat ini wajar ditanamkan secara berkesinambungan kepada generasi yang mendatang dan menghargai jasa bakti dan hadiah yang tidak ternilai bagi mereka hidup aman damai. Justeru, seniman dan sasterawan mengambil posisinya untuk sama-sama menyimpul ikatan nasionalisme dalam jiwa orang Brunei seteguh dan sekukuhnya. Tindakan sasterawan atau penyair Brunei sesuai dengan sifatnya dan produknya melalui karya kreatif. Hal ini tegambar dalam karya Morsidi M.H dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021).

## RASIONAL PENELITIAN

Nasionalisme ditanggapi umum sebagai sesuatu tindakan yang hanya berlaku apabila diri, bangsa dan tanah air tertekan dengan gejala-gejala tertentu. Masing-masing individu dan kumpulan bersuara meluahkan segala yang mereka anggap benar, tepat, wajar dan sebagainya yang pada matlamatnya membela bangsa dan negara. Secara umum juga, nasionalisme bermaksud satu pemikiran, tindakan, dan perasaan cinta akan negara dan bangsa sendiri (Wan Hasmah Wan Teh, 13 september 2022)<sup>3</sup>. Makna umum ini sejajar dengan pemberian makna yang dijelaskan dalam *Britannica.com* dengan kenyataan,

*Nationalism is an ideology that emphasizes loyalty, devotion, or allegiance to a nation or nation-state and holds that such obligations outweigh other individual or group interests.*

(<https://www.britannica.com/topic/nationalism>)

Nasionalisme ialah ideologi yang menekankan kesetiaan, pengabdian, atau kesetiaan kepada sesuatu bangsa atau negara bangsa dan berpegang bahawa kewajipan tersebut melebihi kepentingan individu atau kumpulan lain.

(Terjemahan bebas)

Oleh yang demikian, nasionalisme ini menyuntik dan memperlihatkan nilai taat setia dan pengabdian sesuatu bangsa yang mengalami tekanan dalam dan luar negara. Namun demikian, dalam situasi bangsa dan negara tersebut yang tertekan dari kuasa luar setentunya memperteguh lagi semangat nasionalisme yang mengandungi nilai taat dan setia pada diri masing-masing. Kewajipan menjadi suatu kewajipan kepada diri itu melebihi daripada diri, bangsa dan negara orang lain. Ini berlaku kepada diri, bangsa dan negara itu sendiri dan bukannya diri, bangsa dan negara orang lain. Nasionalisme inilah yang menjamin dan sebagai alat yang berkesan dalam menyatupadukan sesuatu bangsa dan negara itu bebas dari anasir luar.

Terdapat suara-suara yang mengatakan nasionalisme hanya hidup dan membara dalam situasi menuntut dan mencapai kemerdekaan. Kejayaan mencapai kemerdekaan memadamkan api nasionalisme atau sudah masanya untuk berehat kerana tidak lagi ada yang harus diperjuangkan. Jika ini yang berlaku nescaya perisian kemerdekaan sesebuah bangsa dan negara itu tidak ada jaminan untuk berkembang maju

---

<sup>2</sup> Suratkhbar The New York Times melalaui tulisan Robert Trumbull menulis, “*This tiny Islamic sultanate on Borneo's northern coast, whose oil and natural gas resources have made it one of the wealthiest countries in the world, became fully independent from Britain today. The official name of the new nation, the world's 169th country, is Brunei Darussalam, which means "Brunei, Abode of Peace."* (Boreno Sultanate Now Independent <https://www.nytimes.com/1984/01/01/world/boreno-sultanate-now-independent.html#:~:text=Jan.,>)”

<sup>3</sup> <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/09/13/5565/>

atau menikmati hasrat perjuangan bangsa untuk keamanan. Sedangkan, pencapaian kemerdekaan itu baru permulaan untuk membangun sebuah bangsa dan negara dan memerlukan kebangkitan ideologi yang menekankan kesetiaan, pengabdian, atau kesetiaan terhadap bangsa dan negara yang diperjuangkan. Nasionalisme tidak mati selepas pencapaian kebebasan. Hakikatnya, nasionalisme mengandungi elemen utama iaitu patriotisme seperti yang dinyatakan Wan Hasmah Wan Teh (13 September 2022) tentang nasionalisme dan patriotisme,

... Elemen penting yang terkandung dalam nasionalisme ialah patriotisme, iaitu perasaan cinta kepada tanah air.<sup>4</sup>

Sehubungan dengan itu, semangat nasionalisme tidak terhenti begitu saja. Segala yang dicapai dikecepi harus berkesinambungan sebagaimana yang dinyatakan oleh Zurinah Hassan,

... patriotisme tidak hanya terhad kepada perjuangan menuntut kemerdekaan atau melawan penjajah sahaja.

Pengertian patriotisme merangkumi sikap mengasihi negara, rasa bangga terhadap negara dan bersemangat untuk melakukan sesuatu yang baik untuk negara dan rakyatnya.<sup>5</sup>

Dari petikan di atas, nasionalisme sewajarnya hidup mekar dan ditanamkan secara berterusan kepada generasi penerus. Nasionalisme yang menjadi azimat perjuangan bangsa dan negara yang harus diteladani bukan hanya sebuah peristiwa nostalgia. Memang perjuangan dari masa ke masa berbeza mengikut zaman dan keperluan namun semangat nasionalisme menyesuaikan kehendak masa tersebut dan tidak akan tersasar dari kepentingan bangsa dan negara. Hal ini ditegaskan Hans Kohn (1984);

Walau bagaimanapun, semangat nasionalisme tidak sama pada setiap negara dan zaman kerana semangat ini berkait rapat dengan peristiwa sejarah, politik dan susunan masyarakat di tempatnya, serta pengaruh-pengaruh lain di sekelilingnya, seperti bahasa, keturunan, agama, dan adat istiadatnya.<sup>6</sup>

Hakikatnya, mengisi pasca kemerdekaan itu merupakan proses yang diteladani dari segala yang berlaku sebelumnya, menjangkakan sesuatu pada masa depan malah pada masa sesuatu yang sedang berlaku. Kesemuanya memperteguh pembentukan bangsa dan negara yang dihasratkan. Pada masa yang sama, nasionalisme menuntut perisian selepas kemerdekaan daripada gandingan pemimpin dan yang dipimpin. Melalui karya sastera tergambar nasionalisme ini diolah dengan balutan bahasa oleh penyair dan ditafsir khalayak dengan pelbagai sudut pandangan sehingga memberi kesan cinta dan kasih terhadap negara.

## **OBJEKTIF PENELITIAN**

Nasionalisme tidak hanya terbatas dalam suara, pemikiran, tindakan dan sebagainya. Nasionalisme terungkap dalam bentuk karya kreatif seperti karya sastera genre puisi.<sup>7</sup> Oleh yang demikian, penelitian

---

<sup>4</sup> Wan Hashim Wan Teh. "Semangat Nasionalisme dalam Puisi Sasterawan Negara Usman Awang (Bhg.1). 13 september 2022. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/09/13/5565/>

<sup>5</sup> Ainul Huda Mohamed Saaid. "Sastera wadah semarakkan patriotism". <https://mediapermata.com.bn/sastera-wadah-semarakkan-patriotisme/>

<sup>6</sup> <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/09/13/5565/>

<sup>7</sup> Hal ini dinyatakan Anderson (1983), "*In literary studies, poetry often serves as a key vehicle for expressing nationalism, as it enables the articulation of national identity, historical memory, and patriotic sentiment.*" Begitu

ini memiliki objektif untuk memperlihatkan nilai nasionalisme bukannya sesuatu yang mati dan terhad pada masa dan ruang tertentu sahaja. Di sebaliknya, nilai nasionalisme harus berkesinambungan dalam masa dan ruang yang silih berganti mengikut pertukaran zaman ke zaman yang lain. Pencapaian objektif ini bersandarkan ruang lingkup karya sastera bentuk puisi sebagai bahan peneltian.

## **BAHAN PENELITIAN**

Puisi yang menjadi bahan penelitian ialah *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021) merupakan hasil karya Morsidi M.H. Buku ini merupakan hasil penulisan kreatif Morsidi M.H yang terkini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Apabila buku ini terbit pada tahun 2021 melayakkan Morsidi H.M menjadi calon penerima dan pemenang anugerah *SEA Write Award 2021*. *Kumpulan Sajak Laut, Sungai dan Kita* (2021) mengandungi sejumlah 57 buah sajak. Sajak-sajak ini disusun mengikut tema-tema yang disesuaikan dengan persetujuan kedua-dua pihak seperti berikut;

- a. Denyut Nadi Dan Perjalanan Hidup,
- b. Tanah Air,
- c. Alam dan Makna,
- d. Introspeksi dan Hakikat Hidup.

Penelitian kali ini berfokus kepada sajak-sajak yang terkumpul dan diletakkan dalam susunan tema Tanah Air. Di bawah tema ini terdapat sejumlah 7 buah sajak. Diskusi penelitian yang menumpukan 7 buah sajak di bawah tema Tanah Air ini sesuai dengan ruang lingkup penelitian tentang nasionalisme dalam karya sastera dengan memilih genre sajak. Tambahan pula sajak-sajak yang terkumpul ini jelas diletakkan dalam tema Tanah Air dalam *Kumpulan Sajak Laut, Sungai dan Kita* (2021). Sajak-sajak yang dipilih dengan kesesuaian tumpuan penelitian tentang nasionalisme ialah sajak-sajak yang terkumpul di bawah tema ‘Tanah Air’ seperti berikut:

- a. Belunggu
- b. Bolkiah
- c. Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur
- d. Kau
- e. Anak Bumi Darussalam
- f. Dirgahayu
- g. Pembangunan

Di samping pemilihan *Kumpulan Sajak Laut, Sungai dan Kita* (2021) ini, penelitian ini menarik perhatian penyairnya Morsidi M.H. Penyair tempatan ini mempunyai latar belakang pendidikan kesusasteraan Melayu sehingga beliau meraih Ph. D dalam Persuratan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Darul Ehsan, Malaysia yang akhirnya beliau menjadi pensyarah Kesusasteraan Melayu di Universiti Brunei Darussalam sehingga bersara. Sungguhpun begitu, Morsidi H.M dalam beberapa tahun dilantik menjadi pensyarah berkontrak di Universiti Brunei Darussalam dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Suri Begawan di Negara Brunei Darussalam. Sebagai seorang yang memiliki ilmu sastera, pengkarya, dan bergiat aktif dalam kesusasteraan baik sewaktu masih bertugas dan dalam persaraan beliau masih menghulurkan perkongsiaan ilmu dan aktiviti sastera di dalam dan di luar negara.

---

juga Smith (1991) mengatakan “*literature plays a fundamental role in shaping the imagined community of the nation.*”

## **RINGKASAN SOROTAN LITERATUR**

Buat pertama kalinya Morsidi M.H menghasilkan buku persendirian *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021). Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 2021. Sebelum ini Morsidi M.H menghasilkan penulisan bersama dalam sesebuah antologi sajak, drama, tersiarnya sajak-sajak dalam majalah, dan karya ilmiah dalam jurnal, prosiding, dan buku. Kemunculan *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021) menarik perhatian beberapa orang sarjana dan penggiat sastera. Oleh itu, diskusi dalam sesi ceramah mengenai buku ini diadakan di Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Dewan bahasa Dan Pustaka sebagai penerbit dan hasil kerjasama Asterawani (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani) mengundang Ampuan Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah<sup>8</sup> membincangkan buku ini dalam “Bicara Sastera Brunei” pertama kali diadakan pada tahun 2021. Kertas kerjanya membawa tajuk “Sungai, Laut, dan Kita: Membuka interpretasi dan nafas seni”. Dalam diskusi ini, kertas kerja beliau lebih kepada pemberian ruang umum yang ingin melakukan pentafsiran terhadap sajak-sajak yang terkandung dalam buku ini. Bersandarkan teori hermeneutika dan pendekatan seni sastera Islam membuka selebarnya kepada pembaca dengan memberi contoh berlakunya kelainan atau perbezaan interpretasi daripada beberapa orang responden secara rambang yang dilakukan pembicara. Kemudian, Maslin bin Haji Jukim (2022) memperincikan maksud tentang sajak-sajak Morsidi M.H sebagai rakaman penyair tentang diri dan pengalaman kehidupannya. Artikel ini tersiar dalam *Jurnal Malay Literature* dengan tajuk “*A Collection of Poems Sungai, Laut dan Kita by Morsidi M.H: The Story about Life.*” (Jun,2022). Selain ini, terdapat juga beberapa pandangan dan komen daripada pihak panel penilai Penerima Penulis Asia Tenggara 2021 mengenai *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* (2021) tetapi tidak tersiar. Situasi ini turut dijadikan justifikasi untuk melakukan penelitian.

## **METOD ANALISIS**

Nasionalisme mempunyai berbagai-bagai pengertian.<sup>9</sup> Dari berbagai-bagai pengertian itu, penelitian ini melihat nasionalisme dalam konteks penyesuaiannya di Negara Brunei Darussalam yang behubungkait dengan kesetiaan dan pengabdian yang merujuk kepada raja atau sultan yang menjadi tunggak pemimpin bangsa dan negara. Timpal balik segala yang dianugerahkan raja kepada rakyat yakni bangsa yang sewajarnya memberikan taat setia dan pengabdian yang menjadikannya sebuah kewajipan yang ditunaikan. Bertolak dari sini, nasionalisme dalam karya sastera memihak kepada sanjungan dan ikrar yang ternukil dalam bentuk kreatif. Segalanya tertumpah kepada seorang raja sama ada yang sedang memerintah atau raja yang pernah berjasa dan berbakti kepada bangsa dan negara lalu dirista sebagai sanjungan dan pedoman.

Analisis ini merupakan sebuah analisis kepustakaan. A. Halim Ali (2019), iaitu, “kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain.” Bentuk kaedah kajian ini dipilih kerana signifikan dengan data dan kaedah analisis yang digunakan. Sumber data utama ialah *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* karya Morsidi MH. Terdapatnya beberapa sajak yang menepati sebagai sajak yang bersifat nasionalisme malah sajak-sajak ini dikumpulkan dengan bertemakan Tanah Air. Oleh yang demikian, penelitian sajak-sajak yang terkumpul sebagai nasionalisme dilihat bersandarkan pendekatan pragmatik iaitu mengeksplorasi kesan sajak-sajak ini terhadap pembaca hasil daripada ekspresi penyair terhadap bumi Brunei.

---

<sup>8</sup> Seorang profesor sastera di Universiti Brunei Darussalam.

<sup>9</sup> Salah satunya diertikan nasionalisme merupakan sikap untuk mencintai tanah air di mana suatu bangsa memiliki rasa senasib sepenanggungan dan mempunyai tujuan yang sama. Nasionalisme juga dapat diertikan sebagai sikap yang dimiliki suatu bangsa untuk menciptakan dan mempertahankan keutuhan sebuah bangsa dan negara serta dapat diwujudkan dengan identitas yang dimiliki sebagai simbol ikatan bersama dalam suatu kelompok (Widiyono, 2019).

*Pragmatic Criticism views the work as something that is constructed in order to achieve certain effects on the audience, and the critics judge the value of the work according to its success in achieving the aim.*

(<http://www.iep.utm.edu/pragmati/>)

Sajak-sajak yang terpilih dalam tema Tanah Air ini masih berkaitan dengan sajak-sajak yang terkandung dalam tema Denyut Nadi dan Perjalanan Hidup.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, ekspresi penyair dalam sajak-sajak terpilih ini memberikan kesan kepada pembaca yang memberikan tafsiran. Tafsiran pembaca tersebut memberi kesan yang merangsang teguh untuk mencintai tanah air dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi dan keraguan terhadap pemimpin dan kepimpinan raja.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kesangsian selepas mencapai kemerdekaan merupakan igauan. Perjuangan yang lalu dalam mengaut kebebasan keseluruhannya tercapai dengan jayanya. Akan tetapi, selepas pencapaian ini muncul pula gambaran nasib dan masa depan kita untuk mengurak langkah pada ruang dan masa yang lebih luas dan mencabar. Igauan pada ketika bangsa kita terjajah dan terkawal ketat dalam semua aspek kehidupan mencabar dan memberi hambatan untuk meragui fikiran dan tindakan seterusnya kerana realiti kebebasan sudah tercapai. Ini terangkul dalam sajak “Belunggu” melalui bait-bait di bawah ini;

Titisan darah dari luka  
semalam  
sebenarnya telah beku  
di parut waktu  
ketika usia kita  
sudah semakin tua  
[...]

(Rangkap 1, hlm. 40)

Petikan sajak di atas menjelaskan tentang segala yang dilalui oleh warisan terdahulu sehingga mencapai kemerdekaan. Perjuangan yang berliku-liku bukannya sesuatu yang mudah untuk dilupakan.<sup>11</sup> Bagi mereka yang berjuang semangat nasionalisme mereka begitu kental atas kehidupan yang mereka alami di bawah pentadbiran kolonialisme. Tidak sanggup melihat dan membiarkan nasib anak bangsa dan tanah air yang digali kekayaannya untuk bangsa lain. Mereka percaya perjuangan mereka bukannya mudah untuk meraih kejayaan. Segala cabaran dan hambatan dalam perjuangan mereka terukir dalam bait-bait di atas kerana kesukaran ketika itu mengajar untuk mengambil tindakan dengan cermat dan bijaksana.

Kebimbangan melekat dalam kehidupan mereka yang mengalaminya malah sejarah<sup>12</sup> yang menceritakan peristiwa-peristiwa tersebut menggamit fikiran generasi selepasnya sekalipun hanya dalam bentuk gambaran. Kesan dalam naungan pemerintahan bersifat kolonialisme merupakan gurisan atau hirisan yang melukai jiwa bangsa yang tertekan. Hirisan luka ini akan meninggalkan parut yang sukar

---

<sup>10</sup> Maslin Haji Jukim. 2022. “A Collection of Poems Sungai, Laut dan Kita by Morsidi M.H: The Story about Life.” *Malay Literature*. June. Jil.35/Bil.1.

<sup>11</sup> Salah sebuah buku yang membicarakan perjuangan di Brunei, iaitu *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* karya Pehin Dato (Dr) Haji Awang Mohd Jamil al-Sufri (1992)

<sup>12</sup> ...sejarah merupakan suatu peristiwa yang pernah terjadi di masa lampau yang dapat dijadikan acuan untuk menghadapi kehidupan di masa yang akan datang (Dwi Putri Rachmawati Membangkitkan Semangat Nasionalisme Generasi Muda Bangsa Melalui Pembelajaran Sejarah Kongres Pemuda (1926 – 1928) file:///C:/Users/Veriton%20PC/Downloads/nelly,+10.+Dwi+Putri+100-111.pdf).

untuk hilang malah menjadi ristaan dan pengajaran masa yang mendatang. Pada masa yang sama, bekas luka ini membuat diri atau bangsa ini terbelenggu atau dilema kerana bimbang akan berlaku lagi dalam suasana yang berbeza. Sejauh mana ini akan berterusan jika kepercayaan dan keyakinan mereka yang melimpasi zamannya dalam memperjuangkan nasionalisme terhadap bangsa dan negara terdahulu untuk diserahkan tanggungjawab dan peranan kepada generasi seterusnya. Persoalan yang berlegar ini dinyatakan dalam bait-bait seterusnya dalam sajak “Belenggu”,

[...]

Dan anak-anak masih tidak berani  
berjalan sendiri  
kerana takut  
mereka akan berjalan lebih jauh  
meninggalkanmu  
ke dunia baharu  
mengatasimu

(Rangkap 1, hlm. 40)

Perjuangan yang didorong semangat nasionalisme wajar tertanam sikap mempercayai kepada generasi seterusnya. Nasionalisme meminta kepercayaan dan keyakinan. Di samping, keraguan, kebimbangan dan dilema pencapaian kebebasan bangsa dan tanah air memang wajar tetapi perisian kemerdekaan bagi menuju perkembangan ilmu pengetahuan, kesihatan, kebijaksanaan, infrastruktur, dan sebagai adalah lebih wajar dan sebuah tuntutan, malah ini dipertanggungjawabkan kepada generasi penerus. Gantian dari satu zaman ke zaman yang lain adalah di luar kuasa kemanusiaan kerana kehidupan harus dilalui, makanya suasana yang dialami dalam perjuangan menuntut kemerdekaan tidak akan sama dengan situasi selepas itu. Rentak lingkungan harus diikuti dengan bijaksana.

Masa tetap akan terus berlalu. Kebebasan yang dicapai menagih tuntutan yang seharusnya menjamin kehidupan yang cerah. Sebuah bangsa yang merdeka akan melangkah dan terus melangkah untuk mengisi ruang dan masa yang dihasratkan. Suntikan semangat nasionalisme sekarang berhadapan dengan situasi yang berbeza. Namun demikian, ketaatan dan kesetiaan yang membentuk pengabdian mengajak bangsa ini melihat, merenung, dan menilai segala tindakan fikiran, perbuatan, ujaran, emosi, pergaulan, kepimpinan dan sebagainya sebenarnya untuk siapa.<sup>13</sup> Oleh yang demikian, bait-bait pada rangkap kedua sajak “Belenggu” memercikkan air kesedaran muhasabah bangsa.

[...]

Kau masih mengira untung ketika melangkah  
tanpa berfikir untuk siapa kita melangkah?  
untuk diri sahaja  
atau untuk bumi dipijak?

(Rangkap 2, hlm. 40)

Bersandarkan bait-bait di atas, memperingatkan mereka yang ragu, bimbang dan terasa terbelenggu supaya menilai kembali perjuangan yang berteraskan nasionalisme tersebut. Perjuangan yang bukan mementingkan individu dan keluarga tetapi pada skala yang besar, bangsa dan negara. Nama, pangkat, populariti, terkenal, ristaan sejarah dan sebagainya bukan matlamat perjuangan yang dijiwai nasionalisme. Perjuangan yang sebenar menguntungkan semua pihak terutama bangsa yang ingin

---

<sup>13</sup> Hans Kohn (1944) menyatakan bahawa nasionalisme ialah "a deep attachment and loyalty to one's nation". Kenyataannya ini menggunakan perkataan *loyalty* (kesetiaan) sebagai sebahagian daripada definisi nasionalisme.

dibebaskan supaya mampu bernegara sendiri. Tanah air bagi mereka khazanah yang dijaga sekalipun menitiskan darah dan nyawa yang terkorban.

Kepercayaan dan keyakinan harus ada pada diri atau bangsa terhadap generasi seterusnya. Ini merupakan amanat perjalanan hidup yang diserahkan kepada generasi muda untuk mengisi kemerdekaan. Zaman atau era generasi muda tentunya berbeza dengan generasi sebelumnya yang memperjuangkan kebebasan. Bagi generasi muda berhadapan dengan cabaran dan hambatan pelbagai aspek seperti gejala politik, agama, budaya dan sebagainya yang harus mereka tangani dengan sifat nasionalisme sesuai dengan zamannya. Biarlah mereka menerajui kepimpinan bangsa, agama dan negara selagi sejalur dengan nilai-nilai yang murni seperti yang diajukan dalam sajak “Belunggu”,

[...]

Biarkan anak-anak berjalan  
seiring dengan waktu  
supaya pengalaman dan kebebasan  
mereka  
menjadi pemimpin

(Rangkap 3, hlm. 40)

Dari penjelasan di atas, sajak “Belunggu” tidak menolak tentang peristiwa yang berlaku, keraguan dan harapan. Perjuangan yang dilakukan memberikan kesedaran dan memperingatkan generasi masa kini tentang kebebasan bukannya diraih dengan mudah. Kesukaran demi kesukaran dihadapi mereka tetapi semua ini tidak menjadi halangan untuk terus berjuang kerana hasrat dan harapan memberi jaminan kehidupan yang baik buat generasi yang akan datang seperti yang dinikmati sekarang. Inilah hasil perjuangan yang terlaksana dalam menuntut hak menentukan masa depan bangsa dan negaranya. Ini semua disebabkan kecintaan terhadap tanah air.

Kepercayaan dan keyakinan wajar saling berbalas. Generasi masa kini wajar berjuang dalam suasana yang berbeza untuk menjamin kemajuan dan keharmonian bangsa dan negara di bawah kepimpinan raja. Nasionalisme generasi sekarang dengan makna zaman atau eranya. Tunggak kehidupan bersandarkan kepimpinan yang selama ini diwarisi dan diamalkan dalam kerajaan beraja, iaitu sultan sebagai ketua negara, bangsa, dan agama. Perjuangan terdahulu yang menuntut hak dan kuasa raja dikembalikan daripada pentadbiran kolonial menjadi keutamaan. Keutamaan yang dipercayai raja adalah tempat bernaung yang sebenar dalam menjalani hala tuju bangsa dan negara. Justeru, di bawah kepimpinan raja tidak ada keraguan atau belunggu yang membatasi kesinambungan hasil perjuangan sebelumnya. Raja adalah keyakinan kita. Bersama raja kita tanah air dan bangsa kitayang menentukan masa depan bangsa dan negaranya.

Kepimpinan raja terbukti membawa bangsa dan negara serta agama Islam ke puncak kegemilangannya. Hal ini dapat dilihat dari sumber lisan dan sejarah yang melakar bangsa Brunei.<sup>14</sup> Negara terbentuk dari catatan sejarahnya. Peristiwa yang diangkat sebagai penting untuk dijadikan teladan, panduan dan pedoman. Ini termasuklah tokoh-tokoh tertentu dalam mencatatkan peristiwa yang menjadi sejarah bangsa dan negara. Oleh sebab itu, untuk menjadi sebuah negara yang berkembang maju dalam pelbagai aspek wajar untuk menoleh sejarahnya. Sejarah yang menjadi sukat-sukat strategi dan perancangan dalam membina bangsa dan negara yang sentiasa mengejar kemajuan demi kemajuan yang sihat. Negara Brunei merupakan sebuah negara tua yang mengamalkan sistem beraja yang mengikut lunas dan pengajaran Islam. Sejarah membuktikan jalinan baik di antara rakyat dan raja, malah raja adalah tempat rakyat berteduh. Dalam sajak “Bolkiah” mengimbau kembali zaman kegemilangan Brunei yang megah dan gemilang. Kemudian, terbinanya sebuah empayar yang meliputi pulau Borneo dan

---

<sup>14</sup> Sila lihat *Syair Awang Semaun dan Silsilah Raja-Raja Brunei*

persisirannya sehingga Kepulauan Suluk dan persisirannya hasil kepemimpinan seorang raja. Nama baginda, bukan hanya meninggalkan nama semata-mata tetapi kepemimpinan baginda menjadikan Brunei sebuah negara yang gemilang dengan aman dan makmur.

Bunga bangsa  
pejuang negara  
membina sebuah empayar  
di seluruh Borneo dan pesisirnya  
juga termasuk Kepulauan Sulu dan pesisirnya  
Brunei menjadi empayar berdaulat  
adalah kerana kebijakan, kepahlawanan dan  
keberanianmu.  
[...]

(Rangkap 1, hlm. 43)

Merenung kembali sejarah Brunei di bawah kepemimpinan Sultan Bolkiah<sup>15</sup> meninggalkan tiga aspek penting. Ketiga-tiga aspek tersebut ialah kebijakan, kepahlawanan dan keberanian. Bagi generasi sekarang ketiga-tiga aspek wajar dijadikan pedoman dalam segala bentuk kepemimpinan. Akal fikiran yang membawa kemajuan sesebuah organisasi umpamanya sesuatu yang lahir bukan secara biologi atau warisan. Akal fikiran perlu diasuh dengan sentiasa belajar dan terus meningkatkan ilmu pengetahuan dan menambah pengalaman. Begitulah tindakan Sultan Bolkiah yang merantau dalam mengaut pelbagai keuntungan kehidupan seperti mengetahui, mengalami dunia luar, malah mengambil kesempatan dalam peluang perniagaan. Hasilnya, wilayah Brunei semakin berkembang dan menjadi sebuah empayar di rantau ini.

Kepahlawanan dalam konteks sekarang bukan untuk persediaan untuk peperangan. Akan tetapi peperangan yang berbentuk ketahanan diri dalam menempuh atau berhadapan dengan cabaran dan hambatan zamannya seperti dunia digital. Kepahlawan menuntut persediaan diri masing-masing atau peranan dan tanggungjawab bagi kepentingan masa kini. Bukan bentuk mempersiapkan diri dengan ilmu bela diri umpamanya tetapi ilmu atau kemahiran yang bersifat kreatif dan inovatif dalam memenuhi keperluan dan permintaan dunia sekarang. Apabila penuh dengan persiapan, tinggal keberanian sahaja yang menjadi pelengkap untuk menerjah segala cabaran dan hambatan. Nescaya, tanah air terjaga keamanannya sejajar dengan kehendak nasionalisme.

Membina sebuah kerajaan atau negara bukan sesuatu yang mudah. Pencapaiannya penuh dengan liku-liku. Akan tetapi atas kebijaksanaan kepemimpinan sultan- sultan Brunei mampu membawa Brunei menjadi sebuah negara yang aman makmur sekalipun berlakunya pergolakan, namun dapat dikembalikan

---

<sup>15</sup> Baginda naik takhta pada TM 1485. TM 1521, rombongan Ferdinand Magellan dan Antonio Pigafetta melawat Brunei. Pada zaman Baginda, pemerintahan Brunei bukan sahaja meliputi keseluruhan Pulau Borneo seperti Sambas, Tanjungpura, Kota Waringin, Banjarmasin, Pasir, Kutai, Bolongan dan lain-lain bahkan Pulau-Pulau Suluk, Palawan, Keramian hingga Saludang (Luzon) iaitu daerah-daerah yang sekarang dikenali dengan nama Filipina. Zaman pemerintahan Baginda ini dikatakan sebagai zaman keemasan Empayar Brunei. Permaisuri Baginda yang termasyhur bernama Puteri Laila Menchanai. Baginda lindung pada TM 1524, dikatakan kerana cucukan jarum emas yang digunakan oleh Puteri Laila Menchanai semasa menyulam pada waktu Baginda sedang beradu dipangkuan permaisuri itu. Baginda digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Tengah 'Abdul Kahar ("Sultan-Sultan Brunei". <http://www.history-centre.gov.bn/Info%20Sejarah/Sultan%20-%20Sultan%20Brunei.aspx>

dengan bijaksana. Pembinaan dan perkembangan maju Brunei diibaratkan sebuah ladang seperti sajak Morsidi M.H nukilkan “Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur”. Sajak ini mengingatkan kepada kita tentang Brunei yang ditatang dengan baik dan sempurna sehingga menjadi sebuah negara yang berlimpah rezeki dianugerahkan Allah SWT. Sebuah ladang yang diibaratkan oleh penyair sebagai sebuah negara khususnya negara Brunei tidak akan subur tanpa ada usaha dan penjagaan yang teliti. Keberuntungan hasil ini harus dijaga dan dipelihara agar hasilnya semakin bertambah bukan sahaja dinikmati oleh pemilik dan pekerja ladang tetapi dapat dikongsikan secara meluas. Hal ini dikemukakan dalam rangkap sajak “Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur” seperti berikut:

[...]  
Inilah hasil dari suatu usaha  
gigih  
dengan rasa tanggungjawab dan kerjasama  
hasilnya dinikmati  
dan  
inilah hak  
dijaga  
diperjuangkan.  
...

(Rangkap 3, “, 2021:43)

Rangkap di atas menyebutkan tentang unsur-unsur nasionalisme. Unsur-unsur yang perlu ada kepada kita seperti usaha gigih, tanggungjawab, Kerjasama, menjaga dan memperjuangkan hak. Sekalipun negara Brunei pernah mencapai kegemilangannya sehingga menjadi sebuah empayar, namun ketentuan Tuhan itu lebih indah perancangan dan aturan. Ladang yang luas ini dipaksa dengan asakan-asakan yang hampir dikaut kesuburannya oleh mereka yang tamak haloba. Walau bagaimanapun, dengan keluasan ladang yang mengecil dan mampu diselamatkan dengan usaha bersama dan tanggungjawab pemimpin dan rakyat akhirnya dianugerahkan dengan keamanan, keharmonian dan menjati diri dengan penghasilan sumber alamnya yang dikecepi dan dinikmati untuk teguh berdiri sebagai negara yang berdaulat. Justeru, Brunei bergerak dalam segala aspek kehidupan bersandarkan konsep Melayu Islam Beraja seperti yang dinyatakan dalam rangkap sajak “Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur”,

[...]  
dan kini hanyalah sebuah negara kecil  
tapi aman, harmoni  
dengan jati diri  
melangkah seiring di zaman globalisasi  
dengan langkah Melayu  
Islam  
dan mendaulatkan Raja  
masuk ke gelanggang dunia  
yang serba canggih.

(Rangkap 5, hlm. 44)

Urutan dari sajak “Bolkiah” yang menyebutkan mengenai tiga aspek penting iaitu kebijakan, kepahlawanan dan keberanianmu, adalah masih relevan sehingga kini. Ketiga-tiga aspek berkaitan dengan dunia sekarang yang bersifat global. Globalisasi ini tidak secara total memberikan keuntungan dan

kemudahan kehidupan masa kini, di sebaliknya berlaku juga kesan yang dahsyat. Oleh sebab itu ditemukan lagi aspek-aspek yang dimaksudkan dalam sajak “Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur” yang menyebutkan tentang “berani” dan “berjuang” seperti berikut;

[...]  
Di gelenggang dunia  
kini  
kita harus **berani**  
masuk gelenggang  
**berjuang**  
menanai wibawa sebuah negara  
Brunei Darussalam  
seiring dengan zaman.

(Rangkap 6, hlm. 44)

Dari pengalaman dan perjalanan sejarah suka duka Brunei ini membangkitkan generasi sekarang untuk menyedari peranan dan tanggungjawab mereka. Pembinaan bangsa dan negara bukannya mudah dengan penggembleran fizikal, tenaga, fikiran, keluarga, nyawa, harta, dan bermacam-macam lagi sehingga dinayatakan erti sebuah pengorbanan! Oleh itu, penyair membakar semangat agar generasi masa kini wajar menjadi pahlawan yang memiliki keberanian dan kebijaksanaan untuk berada dalam dunia yang dikenali sebagai dunia digital. Begitulah yang diserukan oleh penyair dalam sajak, “Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur”,

[...]  
Kini kita harus bertekad  
tidak hanya menjadi pengguna  
tapi punya daya kreativiti, menjadi pencipta  
menghasilkan sesuatu  
bagaikan sebuah ladang kecil  
yang subur.

(Rangkap 7, hlm. 45)

Semangat nasionalisme yang disuntik dalam sajak-sajak sebelumnya bersandarkan imbauan sejarah Brunei. Sejarah Brunei yang menaikkan semangat generasi masa kini supaya tahu akan perjuangan dahulu sehingga dapat dinikmati kehidupan yang aman dan damai. Sehubungan dengan itu, sajak “Kau” pula menjurus dan berfokus kepada diri anak jati Brunei sendiri sebagai sebuah suntikan kesedaran dan menebalkan lagi tekad yang harus dilaksanakan dan dicapai. Sajak “Kau” ini mengingatkan mereka yang sudah hidup dan mengecapi nikmat hasil daripada perjuangan dahulu sehingga mereka mampu berada di luar negeri untuk diberi amanat mengaut ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan di luar ini dijadikan nilai tambah memajukan negara dalam semua aspek kehidupan di Brunei. Ilmu pengetahuan yang menjadikan mereka bertanggungjawab untuk meneruskan keperkasaan hidup di Brunei yang berpaksi kepada konsep Melayu Islam Beraja. Jangan berlaku sebaliknya, pulang dengan ilmu pengetahuan yang tidak dimanfaatkan malah terpinggir dan hanyut begitu saja. Ini yang ditekankan penyair dalam sajak “Kau”.

Aneh sekali  
kau yang lahir di sini

bangun rebah  
Hidup di atas tanah suburnya,  
Bernafas dengan udaranya  
tapi ragu dan tidak percaya  
dengan milik sendiri  
apabila telah mengembara  
mencari cahaya

(Rangkap 1, hlm. 46)

Kembali ke tanah air menjadi pengecut. Tidak memiliki keyakinan demi memajukan negara yang mengharapkan perubahan. Ini dinyatakan secara terang dalam baris-baris rangkap pertama, "... tapi ragu dan tidak percaya, dengan milik sendiri pabila telah mengembara mencari cahaya". Lebih parah lagi apabila berpendirian bahawa apa yang kita miliki tidak menjamin dan mampu untuk bersuara berbanding dengan yang lain apatah lagi dalam membangun dan mencapai kemajuan. Mengembara bukan untuk menilai dan memutuskan bumi yang dipijak, seharusnya pulang dengan semangat bangsa, agama, dan negara. Bukan sebaliknya, merendah dan lupa dengan keyakinan kita dalam peribahasa berbunyi "Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah". Sebaiknya, membawa lebih tinggi dengan membawa *dignity* atau maruah bangsa, agama, dan negara. Ini yang disuarakan tentang baris-baris terakhir dalam sajak "Kau".

[...]  
sedangkan lidah kita  
adalah milik kita  
bukan milik mereka  
maka ucapkanlah,  
berbicaralah dengan milik kita  
berbanggalah  
kerana saiapalah kita  
kalau tidak memiliki apa-apa  
untuk dibanggakan.

(Rangkap 2, hlm. 46-47)

Ingatlah sejarah sudah bercerita tentang perjuangan dan pencapaian tanah air, Brunei. Tanah air ini yang dipertahankan dan sentiasa berkembang maju dengan segala macam usaha dalam bentuk perancangan dan pelaksanaan sesuai untuk zamannya. Daya tahan diri amat penting dan hakiskan pendirian mengalah kerana orang Brunei merupakan waris yang perkasa dan memegang amanah maruah jati diri bermula dari Awang Alak Betatar menjadi Sultan Brunei yang pertama dengan nama Sultan Muhammad Shah seperti yang diimbau sejarahnya dalam sajak "Bagaikan Sebuah Ladang Kecil Yang Subur". Usaha yang terpancar dari berganding bahu di antara adik beradik mencapai pembentukan kerajaan dan negeri. Inilah perjuangan mereka yang bersifat nasionalisme,

[...]  
Begitulah juga  
suatu permulaan wujudnya sebuah negara;  
Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya  
berusaha  
bagaikan menanam sebiji benih  
tumbuh, berpucuk, berbunga dan berbuah

membesar, menjadi pokok yang rendang  
itulah sebuah negara  
Brunei Darussalam.

(Rangkap 4, hlm. 43)

Seterusnya, memperingat tentang kegemilangan Brunei di bawah pemerintahan Sultan Brunei kelima, iaitu Sultan Bolkiah. Namanya termasyhur dan menarik perhatian pedagang asing datang ke Brunei sehingga Brunei menjadi sebuah pelabuhan yang sibuk dan sebagai pusat penyebaran Islam. Pencapaian ini membawa kebanggaan tanah air yang seharusnya melekat kepada generasi sekarang untuk berbangga dan berani dengan pitah penuh bijaksana menyuarakan segala aspek kehidupan yang diibaratkan sebuah ladang kecil yang subur. Kepimpinan sultan-sultan terdahulu meninggalkan dengan mewariskan bumi Brunei ini untuk kekal wujud dengan makmur dan maju. Justeru, diperlihatkan dan diberitakan tentang kepimpinan Sultan Bolkiah dalam sajak “Bolkiah” agar kita sentiasa ingat:

[...]  
Bolkiah  
kau telah membawa Brunei ke zaman gemilang  
dan disegani  
cahaya melimpah  
daulat negeri.

(Rangkap 2, hlm. 42)

Mengemukakan kembali tokoh raja yang gemilang ini bukan untuk ristaan semata-mata. Tidak sekadar imbaun untuk bernostalgia. Tujuannya untuk memberi kesedaran generasi masa kini bahawa kita adalah bangsa Brunei yang memiliki maruah dan amanat untuk menjaganya. Melalui sajak “Aku” terlihat kaitannya dengan sajak “Belunggu” yang memberikan keyakinan bahawa hak bersuara, berfikiran, merancang, bertindak, dan melaksanakan sesuatu terhadap tanah air terbuka luas, namun harus sesuai dan sejajar dengan kehidupan yang bercorakkan konsep Melayu Islam Beraja. Kehidupan berkonsepkan Melayu Islam Beraja bukan sebagai kengkangan untuk bergerak maju. Oleh sebab itu dalam sajak “Anak Bumi Darussalam” mengandungi peringatan-peringatan tentang bangsa Brunei. Peribahasa Melayu yang disebutkan, “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri” mengingatkan kita supaya jangan lupa diri. Sekalipun merantau di negeri orang yang penuh serba serbinya, jangan terpesona dan lalai kerana tanggungjawab kita lebih besar dan bermakna di tanah air.

[...]  
Sebagai anak bumi Darussalam  
kita harus yakin  
bahawa di sini ada benih suci  
harus tertanam dalam hati dan jiwa  
sebagai satu kebanggaan:  
tanah, air dan udaranya – MIB  
jatuh bangun seiring kita bersama  
menikmati hidup di bumi merdeka.  
[...]

(Rangkap 2, hlm. 48)

Sebagaimana yang dilihat dari sebuah sajak ke sebuah sajak tetap nampak berkait. Rangkap sajak di atas mengembalikan anak watan untuk memiliki sepenuh keyakinan. Yakin tentang diri kita sebagai jentera penggerak menuju kemajuan sebanding dengan negara-negara lain. Semangat nasionalisme berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja merupakan benih yang suci tertanam dalam diri anak watan tidak mengira walau apa keadaan pun. Perjuangan tidak pernah akan berakhir kerana dunia dan isinya silih berganti dan akan terus berputar mengikut zaman yang terwujud. Oleh yang demikian, mahu tidak mahu dengan kepercayaan jaminan benteng dan perisai untuk menghadapi atau melalauai zaman berzaman itu konsep Melayu Islam Beraja memainkan peranan utama.

Setelah menyuarakan perjuangan dan kepimpinan dahulu seperti Sultan Bolkiah, kini membuka mata generasi sekarang tentang kepimpinan Sultan Brunei yang ke-29, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah ibni Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III. Kemasyhurannya tidak ada tolak bandingnya dalam memerintah negara Brunei yang kecil tetapi gah di mata dunia. Baginda Sultan yang berwibawa disanjung dan dipuji atas kepimpinananya membawa "sebuah ladang yang kecil ini subur" dan terus subur dengan keadilan, bijaksana, berjiwa rakyat demi mencapai pembangunan dunia dan akhirat. Dalam sajak "Dirgahayu" adalah wajar untuk memuji dan mensyukuri atas pemerintahannya yang berkembang maju bermula dari warisan tiga aspek yang dicapai Sultan Bolkiah membawa kepada aspek-aspek yang lain seperti keadilan dan memiliki jiwa rakyat.

[...]

Dan kini,  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
pemerintah yang juga penuh wibawa  
adil, bijaksana, berjiwa rakyat  
memegang tanggungjawab  
untuk bangsa dan negara  
membangun negara untuk duniawi dan ukhrawi.

(Dirgahayu, 2021: 50)

Hasilnya, negara yang kecil dan molek ini dalam keadaan yang aman damai, sejahtera, dan harmoni yang tepat dinamakan Brunei Darussalam. Sekalipun peninggalan pemerintahan terdahulu meninggalkan tanah air dengan saiz sekarang tidak bermakna tersingkir dan terpencil dari dunia lain. Nasionalisme yang ada dalam hati dan jiwa baginda yang membangkit dan menempatkan tanah air ini pada kedudukan sekarang ini. Rakyat harus bersyukur dan mendoakan baginda untuk kekal dan kerar memerintah negara. Selain itu, orang Brunei sebagai anak watan tanah air tidak akan mensiasikan perjuangan baginda selama ini. Kasih sayang, taat dan setia berbakti kepada baginda merupakan sebuah pesembah yang paling istimewa di setiap ulang tahun keputeraan baginda. Justeru, pembangunan negara bukan tertumpu bersifat fizikal tetapi seimbang dengan yang dihasratkan baginda harus ditanai dengan penuh leluhur oleh rakyat. Hasrat baginda tentang negara Zikir dan pelaksanaan Undang-Undang Syariah. Dalam sajak "Pembangunan" memperlihatkan tentang usaha dan hasrat baginda untuk membangun negaranya secara duniawi dan ukhrawi.

[...]

Pembangunan negara bukan hanya untuk fizikal  
harus seiring dengan pembangunan rohani  
sesuai dengan titah Kebawah Duli baginda Sultan  
tegas dan berani sebagai pemimpin Islam  
menjadikan **Brunei sebuah Negara Zikir**  
berpegang kepada **Undang-Undang Syariah**

sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi  
dan peranan kita sebagai rakyat Brunei  
membangun negara berpandukan titah Kebawah Duli  
dengan berlandaskan Islam sebagai landasan utama  
semoga Brunei Darussalam akan tetap membangun  
mencapai ke puncak jaya.

(Rangkap 3, hlm. 52)

Hasrat pembangunan baginda ini secara tidak langsung menampilkan sifat keberanian. Keberanian yang berasas dan menjadi tuntutan agama Islam. Di samping itu, Tindakan berani baginda ini merupakan satu kebijaksanaan, sudah diukur dan ditimbang sehingga kukuh, perkasa, utuh keputusan yang baginda hasratkan. Sebagai timpal baliknya rakyat harus taat dan setia kepada baginda kerana semua ini semata-mata untuk tanah air yang menjulang dan mengamalkan ajaran Islam.

## **RUMUSAN**

Sajak-sajak yang terkandung di bawah tema Tanah Air dalam *Kumpulan Sajak Sungai, Laut dan Kita* saling kait mengait. Pesanan demi pesanan dalam membentuk, mencapai, mengisi dan merancang tanah air yang dikenali sebagai Negara Brunei Darussalam. Pesan-pesan yang bersifat ingat mengingati ini bukan hanya bertujuan mengenang sejarah sebagai imbauan kosong tetapi bagi tujuan meneruskan semangat nasionalisme yang berasaskan cinta dan kasih terhadap tanah air. Dari satu zaman ke satu zaman dan dari satu pencapaian ke satu pencapaian berhubungkait dengan Brunei dijadikan bahan suntikan yang mewajarkan generasi sekarang bertanggungjawab untuk meneruskan dan memajukan kehidupan di atas bumi yang dipijak, Negara Brunei Darussalam. Secara pragmatiknya, nilai yang terkandung dalam setiap sajak-sajak ini memberi kesedaran kepada kita untuk tidak mensia-siakan segala perjuangan orang yang terdahulu bermula dari pembinaan tapak negeri sehingga mencapai kegemilangan. Pada masa yang sama, kita diperingatkan dengan keluasan yang kecil diakibatkan pergolakan dan ancaman kolonial membangkitkan lagi semangat nasionalisme setiap anak watan Brunei. Peninggalan warisan yang kecil tidak memberi erti suatu yang merundum tetapi diusahakan dengan kegigihan, keberanian, kebijaksanaan, berdaya saing, permuafakatan dan penuh tanggungjawab dalam kalangan masyarakat Brunei ibarat “sebuah ladang kecil yang subur”.

## **RUJUKAN**

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu Publications
- Abd. Hamid Jaludin, Haji. 2010. *Syair Awang Semaun sebagai epik bangsa Melayu Brunei*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
- Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, Haji. “‘Negara Baru’ Brunei 100 Tahun Meniti Cabaran” Kertas Kerja *Seminar Sejarah Brunei III* anjuran Pusat Sejarah Brunei pada 8-9 Mac 2006 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
- Anderson, B. 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Ainul Huda Mohamed Saaid. “Sastera wadah semarakkan patriotism”. <https://mediapermata.com.bn/sastera-wadah-semarakkan-patriotisme/>

- Dwi Putri Rachmawati. Membangkitkan Semangat Nasionalisme Generasi Muda Bangsa Melalui Pembelajaran Sejarah Kongres Pemuda (1926 – 1928) file:///C:/Users/Veriton%20PC/Downloads/nelly,+10.+Dwi+Putri+100-111.pdf).
- <https://www.un.int/brunei/brunei/country-facts>)
- <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/09/13/5565/>
- Joko Pinurbo. 2019. *Berguru Kepada Puisi*. Indonesia: Diva Press
- Kohn, H. 1944. *The Idea of Nationalism: A Study in Its Origins and Background*. New York: Macmillan.
- Maslin Haji Jukim. 2022. "A Collection of Poems Sungai, Laut dan Kita by Morsidi M.H: The Story about Life." *Malay Literature*. June. Jil.35/Bil.1.
- Mohd Jamil al-Sufri, Pehin Dato (Dr) Haji Awang. 1992. *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Morsidi M.H. 2021. *Kumpulan Sajak Sungai, LAUT dan KiTA*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Munaris dan Khoeroum Nisa Liswati. 2018. *Apresiasi Puisi*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Nasionalisme. (<https://www.britannica.com/topic/nationalism>) "Permanent Mission of Brunei Darussalam to the United Nations". <https://www.un.int/brunei/brunei/country-facts>
- Robert Trumbull. 1 jan 1984 *Boreno Sultanate Now Independent* [https://www.nytimes.com/1984/01/01/world/boreno-sultanate-now-independent.html#:~:text=Jan.,"](https://www.nytimes.com/1984/01/01/world/boreno-sultanate-now-independent.html#:~:text=Jan.,) ("Sultan-Sultan Brunei". <http://www.history-centre.gov.bn/Info%20Sejarah/Sultan%20-%20Sultan%20Brunei.aspx>
- Smith, A. D. 1991. *National Identity*. Reno: University of Nevada Press.
- Sweeney, P.L. Amin. 1968. "Silsilah Raja-Raja Berunai". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41 (2(214)). pp. 1-82.
- Toyidin. (2022). *Memahami Bunyi Puisi; Teori dan Analisis*. Indonesia: Textium
- Wan Hashim Wan Teh. "Semangat Nasionalisme dalam Puisi Sasterawan Negara Usman Awang (Bhg.1). 13 september 2022. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/09/13/5565/>
- Widiyono, S. (2019) dalam Dwi Putri Rachmawati. Membangkitkan Semangat Nasionalisme Generasi Muda Bangsa Melalui Pembelajaran Sejarah Kongres Pemuda (1926 – 1928) file:///C:/Users/Veriton%20PC/Downloads/nelly,+10.+Dwi+Putri+100-111.pdf).